Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan bahawa:

Wang elektronik (e-wang) merupakan instrumen pembayaran yang diharuskan oleh Syariah dengan syarat struktur e-wang tersebut hendaklah berasaskan kontrak Syariah yang bersesuaian bagi menjaga hak dan kewajipan setiap pihak yang berkontrak.

Salah satu kontrak yang boleh diterima pakai bagi e-wang ialah kontrak perwakilan (*wakalah*). Melalui konsep ini, pengeluar yang diluluskan bertindak sebagai wakil kepada pengguna dalam membuat pembayaran (*wakil bi ad-daf`i*) kepada penjual (*merchant*). Sehubungan itu, dana yang diterima daripada pengguna mesti disimpan dalam akaun amanah (*trust account*) atau akaun deposit khusus (*dedicated deposit account*) patuh Syariah sepertimana tertakluk di bawah seksyen 137 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Pengeluar yang diluluskan perlu mematuhi Garis Panduan Wang Elektronik (Garis Panduan) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) pada 31 Julai 2008 (termasuk pindaan dari masa ke masa). Ini termasuk kebenaran kepada pengeluar yang diluluskan untuk menggunakan dana dalam akaun pengguna bagi tujuan pelaburan dan apa-apa pulangan adalah milik pengeluar yang diluluskan,[1] tertakluk kepada syarat-syarat dalam Garis Panduan. Berlandaskan pendekatan ini, dana tersebut boleh dianggap sebagai satu bentuk pinjaman (*qard*) daripada pengguna kepada pengeluar yang diluluskan.

Memandangkan pengeluar yang diluluskan hanya bertindak sebagai wakil pembayaran bagi pihak pengguna kepada penjual, adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memastikan e-wang digunakan bagi tujuan patuh Syariah.

Keputusan ini berkuat kuasa dengan penerbitannya dalam laman sesawang Bank pada 19 Mei 2020 dan terpakai kepada:

(a) pengeluar e-wang patuh Syariah yang diluluskan di bawah APKI; dan
(b) pengeluar e-wang yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) diluluskan di bawah Seksyen 15(1)*(e)* APK untuk mengeluarkan e-wang patuh Syariah (dikenali bersama sebagai “pengeluar yang diluluskan”).

Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI, bagi tujuan pengeluaran e-wang patuh Syariah, pengeluar yang diluluskan dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti pengeluar yang diluluskan tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah selagi mana ia berkaitan dengan perniagaan sedemikian.

[1] Perenggan 10.2, Garis Panduan Wang Elektronik.

Bahagian II: Latar Belakang

E-wang merupakan salah satu daripada instrumen pembayaran di bawah APK dan APKI. E-wang membolehkan pembayaran yang cekap tanpa tunai berlaku melalui kad prabayar atau aplikasi dompet elektronik (e-dompet). Penggunaan instrumen ini yang semakin diterima ramai telah menimbulkan persoalan berkenaan sejauh manakah pengoperasian e-wang mematuhi prinsip Syariah. Secara ringkasnya, struktur operasi e-wang sedia ada ialah seperti berikut:

Ilustrasi: Struktur Operasi E-Wang Secara Ringkas



1. Pengguna yang berdaftar meletakkan dana dalam akaun e-wang mereka.
2. Pengguna membuat transaksi dengan penjual.
3. Pengeluar yang diluluskan membuat penyelesaian kepada penjual bagi pihak pengguna.
4. Pengeluar yang diluluskan mengenakan fi kepada penjual berdasarkan kontrak yang dipersetujui antara pengeluar yang diluluskan dengan penjual.

Isu Syariah

Berdasarkan struktur operasi di atas, terdapat beberapa isu yang dibincangkan oleh MPS:

1. Apakah kontrak Syariah yang mendasari hubungan antara pihak-pihak berkontrak?
2. Bagaimanakah pengeluar yang diluluskan menguruskan dana yang diterima daripada pengguna? Adakah dana tersebut boleh digunakan oleh pengeluar yang diluluskan?
3. Adakah pengeluar yang diluluskan boleh memberi ganjaran kepada pengguna?
4. Apakah status pembayaran bagi transaksi barangan atau produk tidak patuh Syariah?

Perbincangan MPS berhubung perkara ini berpandukan kepada mandat dan objektif instrumen e-wang yang berbeza daripada mandat institusi kewangan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan.

Bahagian III: Perbincangan Utama

Isu 1: Kontrak Syariah antara pihak-pihak berkontrak

1(a). Kontrak antara pengguna dengan pengeluar yang diluluskan

- Dalam menentukan aplikasi kontrak Syariah yang bersesuaian bagi isu 1(a), MPS telah mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - peranan pengeluar yang diluluskan sebagai perantara pembayaran bagi pihak pengguna kepada penjual;
  - peletakan dana oleh pengguna adalah bagi tujuan pembayaran. Dana tersebut dimasukkan ke dalam akaun amanah/akaun deposit khusus dan diuruskan oleh pengeluar yang diluluskan; dan
  - peruntukan Garis Panduan hanya membenarkan pengeluar yang diluluskan untuk:
    - mengeluarkan e-wang sebagai instrumen pembayaran; dan
    - melaburkan dana yang diletakkan dalam akaun amanah/akaun deposit khusus dan mengambil keuntungan daripada pelaburan tersebut.

- Berdasarkan pertimbangan di atas, MPS berpendapat bahawa kontrak *wakalah* merupakan salah satu kontrak Syariah yang menepati hak dan kewajipan pihak berkontrak dalam transaksi e-wang. MPS memutuskan bahawa penstrukturan e-wang berdasarkan kontrak *wakalah* boleh dilaksanakan seperti berikut:
  - pengeluar yang diluluskan menawarkan khidmat *wakalah* kepada pengguna untuk membuat pembayaran bagi pihak pengguna kepada penjual;
  - pengguna meletakkan dana dalam akaun e-wang yang berdaftar dengan pengeluar yang diluluskan; dan
  - pengeluar yang diluluskan membuka akaun amanah/akaun deposit khusus bagi dana yang diletakkan oleh pengguna dan dana tersebut perlu digunakan untuk menyelesaikan pembayaran kepada penjual atau dipulangkan kepada pengguna.

1(b). Kontrak Syariah antara pengeluar yang diluluskan dengan penjual

- MPS memutuskan bahawa kontrak upah atas perkhidmatan (*ijarah al-khadamat*) atau kontrak pemberian insentif atas perkhidmatan (*ju`alah*) boleh menjadi penyesuaian fiqah (*takyif fiqhi*) bagi transaksi antara pengeluar yang diluluskan dan penjual.

Isu 2: Pengurusan dana oleh pengeluar yang diluluskan

- Bagi e-wang patuh Syariah, MPS memutuskan bahawa pengeluar yang diluluskan mesti meletakkan dana yang diterima daripada pengguna ke dalam akaun amanah/akaun deposit khusus patuh Syariah.

- Berdasarkan peruntukan dalam Garis Panduan, pengeluar yang diluluskan bertanggungjawab untuk menguruskan dana yang diterima daripada pengguna secara berhemah. Pengeluar yang diluluskan juga dibenarkan untuk melaburkan dana tersebut dan mengambil keuntungan daripada pelaburan tersebut. Oleh itu, dana yang diterima tersebut boleh disifatkan sebagai *qard* daripada pengguna kepada pengeluar yang diluluskan.

Isu 3: Isu berbangkit mengenai qard jarra naf`an dalam amalan pemberian ganjaran

- Pengeluar yang diluluskan menawarkan ganjaran atas beberapa faktor seperti pendaftaran kepada perkhidmatan e-wang, tambah nilai terhadap baki, atau penggunaan e-wang untuk membuat pembayaran kepada penjual. Memandangkan dana yang diterima daripada pengguna boleh dianggap sebagai satu bentuk *qard* daripada pengguna kepada pengeluar yang diluluskan, terdapat persoalan sama ada pemberian ganjaran tersebut bertentangan dengan prinsip Syariah yang melarang pinjaman yang memberikan manfaat kepada pemberi pinjaman (*qard jarra naf`an*).

- MPS memutuskan bahawa tiada isu *qard jarra naf`an* bagi amalan pemberian ganjaran kepada pengguna berdasarkan pertimbangan berikut:
  - kontrak *qard* dalam penggunaan e-wang bersifat sampingan sahaja, berbeza dengan kontrak *qard* dalam akaun deposit yang ditawarkan oleh institusi perbankan;
  - tiada keberkaitan antara dana yang diletakkan oleh pengguna dengan ganjaran yang diberikan oleh pengeluar yang diluluskan;
  - ganjaran yang diberikan kepada pengguna oleh pengeluar yang diluluskan bukanlah ganjaran kepada amaun dana yang diletakkan oleh pengguna, sebaliknya ia bertujuan sebagai strategi pemasaran bagi memperluaskan lagi penyertaan pelanggan;
  - peruntukan Garis Panduan secara jelas tidak membenarkan bagi pengeluar yang diluluskan untuk mengeluarkan e-wang dengan nilai yang lebih besar daripada nilai yang diterima daripada pengguna;[2] dan
  - perbezaan amalan (*`urf*) bagi penggunaan dana oleh pengeluar yang diluluskan dengan amalan perniagaan perbankan biasa menjadikan kontrak *qard* tersebut sebagai kontrak sampingan sahaja.

Isu 4: Penggunaan e-wang bagi pembayaran kepada penjual tidak patuh Syariah

- MPS membincangkan permasalahan tersebut dalam dua konteks:
  - e-wang sebagai instrumen pembayaran patuh Syariah; atau
  - pengeluar yang diluluskan yang ingin menjadi pengeluar patuh Syariah yang diluluskan.

- Status e-wang sebagai instrumen patuh Syariah tidak terjejas dengan penggunaan bagi tujuan pembayaran transaksi tidak patuh Syariah berdasarkan pertimbangan berikut:
  - e-wang adalah neutral dan mempunyai sifat yang sama dengan wang tunai, kecuali ia disimpan dalam bentuk elektronik; dan
  - adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memastikan e-wang digunakan bagi tujuan transaksi patuh Syariah.

- Walau bagaimanapun, mana-mana pengeluar yang diluluskan sebagai pengeluar e-wang patuh Syariah di bawah APKI perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
  - tiada urus niaga yang melibatkan penjual tidak patuh Syariah. MPS memutuskan bahawa sekiranya terdapat pengecualian yang ditetapkan oleh penasihat Syariah berkelayakan bagi pengeluar yang diluluskan, pengeluar yang diluluskan tersebut perlu mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh penasihat Syariah berkelayakan berkenaan; dan
  - tiada penawaran bersama (*bundling*) atau menjual silang (*cross-selling*) dengan produk tidak patuh Syariah.

[2] Perenggan 13.1, Garis Panduan Wang Elektronik.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Keharusan penggunaan teknologi sebagai pemudah cara

- Secara umumnya, teknologi merupakan inovasi yang bertujuan antara lainnya untuk memudahkan transaksi dan urusan sesama manusia bagi mencapai tujuan masing-masing. Pandangan ini selaras dengan pandangan *Majma` Fiqh al-Islami* yang mengharuskan penyempurnaan akad antara dua pihak berkontrak menggunakan alat komunikasi moden bagi memudahkan urusan transaksi muamalat.[3] Hal ini kerana teknologi adalah neutral di sisi Syariah dan sah untuk digunakan, selaras dengan kaedah fiqah berikut:

الأصل الصحة

"Asal (sesuatu itu) adalah sah."[4]

Keharusan penggabungan kontrak-kontrak Syariah

- Himpunan beberapa kontrak dalam satu produk[5] adalah harus dengan syarat setiap kontrak adalah dibenarkan dan tiada dalil Syarak yang menegahnya.[6] Walau bagaimanapun, keharusan himpunan ini mesti menepati garis panduan Syariah yang berikut:
  i. Tiada larangan Syarak yang jelas berkenaan penggabungan kontrak-kontrak Syariah tersebut, seperti larangan himpunan kontrak jual beli dan kontrak pinjaman (*bai` wa salaf*) atau bukan jalan ke arah riba (*zari`ah ila riba*) seperti himpunan dua kontrak jual beli (*bai` `inah*)*;* dan
  ii. Tidak terdapat percanggahan antara akad-akad tersebut dari segi hukum, seperti himpunan antara *hibah* sesuatu barang kepada penerima *hibah* dengan penjualannya kepada penerima yang sama.

- Himpunan kontrak dalam satu produk bertujuan memenuhi objektif dan keperluan pihak-pihak berkontrak di samping mencerminkan mekanisme operasi sesuatu produk secara tepat. Ia dianggap sebagai akad-akad yang tidak disebut dalam teks klasikal (*`uqud ghair musamma*)[7] yang telah memberi ruang kepada pelbagai inovasi dalam sektor kewangan Islam. Ini selaras dengan kaedah umum fiqah iaitu:

الأصل في المعاملات الحل حتى يقوم دليل على التحريم

"Hukum asal mualamat adalah harus, kecuali ada dalil yang mengharamkannya."[8]

---

[3] *Qarar Majma` al-Fiqh al-Islami*, Muktamar ke-6, 14-20 Mac 1990, Jeddah.
[4] Al-Ansari, *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*, Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2000, j. 2, h. 2154.
[5] Pandangan ini selaras dengan keputusan MPS pada mesyuarat ke-140 bertarikh 28 Oktober 2013 dan mesyuarat ke-166 bertarikh 23 Februari 2016 yang memutuskan keharusan penggabungan beberapa kontrak dalam satu perjanjian induk.
[6] Hasan Ali al-Syazili, *Ijtima` al-`Uqud al-Mukhtalifah fi `Aqd Wahid*, dalam *A`maal al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Khamisah li Bait Tamwil al-Kuwaiti,* Bait al-Tamwil al-Kuwaiti, 1998, h. 506.
[7] Mustafa al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqhi al-`Am*, Dar al-Qalam, Damascus, 2004, h. 569-570.
[8] Ibnu Uthaimin, *Al-Syarh al-Mumti` `ala Zad al-Mustaqni`*, Dar Ibni al-Jauzi, j. 8, h. 241.

- Kesan penggunaan kontrak Syariah tertentu bergantung kepada terma dan syarat yang dipersetujui dalam sesuatu kontrak selagi ia tidak bercanggah dengan kaedah umum Syarak. Ini selaras dengan kaedah fiqah berikut:

الأصل رضى المتعاقدين ونتيجته هي ما التزماه بالتعاقد

"*Hukum asal dalam akad ialah redha atau persetujuan kedua-dua pihak yang berkontrak dan kesan kontrak ialah berdasarkan (hak dan tanggungjawab) yang telah mereka persetujui dalam akad*."[9]

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan ini merupakan panduan kepada mana-mana pengeluar yang diluluskan yang ingin menawarkan e-wang patuh Syariah. Pengeluar yang diluluskan digalakkan untuk memberi kefahaman yang sewajarnya berhubung produk e-wang patuh Syariah bagi mengelakkan salah faham terhadap keputusan ini.

[9] Ahmad al-Zarqa, *Syarh al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1989, h. 482.